

KL dilanda banjir kilat

KUALA LUMPUR – Beberapa kawasan dan jalan raya utama di sekitar ibu negara ditenggelami air ekoran hujan lebat selama lebih sejam petang semalam.

Antara kawasan yang teruk terjejas akibat banjir kilat yang bermula pada

kira-kira pukul 5 petang termasuk Jalan Tun Razak, Jalan Parlimen, Jalan Duta, Jalan Chan Sow Lin, Jalan Segambut, Jalan Maarof serta Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Pantai Baru.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur,

Khirudin Drahman berkata, hujan lebat turut menyebabkan beberapa pokok tumbang sehingga menghempap dua kenderaan di Plaza Perabot, Jalan Klang Lama.

Bagaimanapun, tiada sebarang kecederaan dilaporkan.



BEBERAPA kenderaan gagal meneruskan perjalanan apabila Jalan Maarof di Bangsar, Kuala Lumpur dilanda banjir kilat semalam.